

Tekun mengajar al-Quran

islami

Syeikh Abdul Fattah Mirsafi menghembuskan nafasnya yang terakhir seusai anak muridnya membaca surah al-Mulk ayat 12



BicaraQiraat

Oleh DR. KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

SYEIKH Abdul Fattah Mirsafi mempunyai latar pengajian Quran yang kukuh dengan bertalaqqi daripada guru yang bersanad sampai ke Rasulullah SAW. Setelah itu, beliau memberi sumbangan yang besar dalam pengajaran al-Quran. Tempat pertama beliau mengajar ialah Universiti Imam Muhammad Ibnu Ali al-Sanusi al-Islamiyyah, Libya.

Di sana, Syeikh Abdul Fattah telah mengajar al-Quran kepada masyarakat Islam Libya. Unikinya bacaan Quran di Libya ialah satu-satunya negara yang mengamalkan bacaan riwayat Qalun daripada Imam Nafei.

Walaupun begitu, Syeikh Mirsafi adalah seorang yang berkebolehan, menjadi rujukan dan telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat Islam Libya dengan menghasilkan satu kitab bertajuk, *al-Tariq al-Makmun Ila riwayat Qalun*.

Sambutan pengajaran al-Quran beliau amat menggalakkan. Ramai yang datang bertalaqqi Quran dan Qiraat. Selepas 16 tahun menabur bakti mengajar al-Quran, kerajaan Libya membuat satu keputusan menghantar balik semua tenaga pengajar dari luar termasuk Syeikh al-Mirsafi.

Seorang muridnya, Dr. Salim al-Jakani bercerita kepada penulis, ketika menerima keputusan tersebut Syeikh Mirsafi amat sedih. Pada malamnya, beliau bermimpi melihat Rasulullah SAW dan bertanya kesedihannya? Lantas beliau menjawab kerana masih ramai pelajar yang belum khatam. Lalu Baginda SAW memberi khabar gembira dengan mengisyarat kepadanya supaya pergi ke Madinah al-Munawwarah.

Pada 1977, Universiti Islam Madinah telah menerima Syekh Abdul Fattah al-Mirsafi sebagai pensyarah di Fakulti al-Quran dan Pengajian Islam. Ketika itu ketua jabatannya ialah al-Allamah Syeikh Abdul Fattah al-Qadhi. Pensyarah dalam bidang Qiraat di fakulti tersebut kebanyakannya adalah ulama dari negara Mesir.

Dipandang tinggi

Kedudukan Syeikh Mirsafi sebagai pensyarah di pandang tinggi. Ramai pelajar universiti Islam Madinah mengambil peluang untuk bertalaqqi al-Quran dan Qiraat. Menurut muridnya, Dr. Hasan Zu'bi selepas waktu pengajian

di universiti ramai pelajar pergi ke rumahnya untuk talaqqi.

Mereka bersilih ganti membaca al-Quran dan Qiraat. Sehingga ketika Syeikh Mirsafi menjamah makanan pun ada yang membaca al-Quran.

Sesi talaqqi ini akan berterusan sehinggalah pelajar yang terakhir membaca al-Quran adalah sekitar jam 10 atau 11 malam, selepas itu Syeikh Mirsafi terus tidur. Ini menggambarkan betapa Syeikh Mirsafi menghabiskan masanya dengan mengajar al-Quran.

Antara yang bertalaqqi Qiraat dengan beliau ialah sahabat baiknya yang juga merupakan seorang alim dalam ilmu Qiraat dan merupakan pensyarah di universiti yang sama dengan Syeikh Mirsafi iaitu Syeikh Abdul Raziq Ibrahim Ali Musa.

Ini menunjukkan, rasa *thiqah* di kalangan sahabatnya kepada Syeikh Mirsafi adalah tinggi.

Menurut muridnya, Dr. Hazem hampir 80 pelajar yang sempat khatam al-Quran dan Qiraat di hadapan Syeikh al-Mirsafi dan diijazahkan sanad kepada mereka.

Antara yang masih aktif mengajar di Masjid Nabi sehingga ke hari ini ialah Syeikh Muhammad Tamim al-Zu'bi, Syeikh Abdul Rahim Muhammad

al-Hafiz al-'Ilmi dan lain-lain.

Keikhlasan Syeikh Mirsafi mengajar al-Quran terserlah dengan tekunnya mendidik dan mengajar. Sehingga pada saat akhir hayatnya beliau terus mengajar al-Quran.

Seorang pelajarnya bernama Bilal datang dari negara Imarat al-Arabiyyah untuk talaqqi al-Quran. Bilal membaca helaian demi helaian dari mula al-Quran sehinggalah surah al-Mulk.

Ketika Bilal membaca ayat 12 yang bermaksud: *Sesungguhnya orang-orang yang takut (melanggar hukum) Tuhannya semasa mereka tidak dilihat orang dan semasa mereka tidak melihat azab Tuhan, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar.*

Jantung Syeikh Mirsafi berhenti, hatinya khusyuk mengingati Allah dan ketika itu beliau meninggal dunia.

Hari berikutnya 18 Jamadilakhir 1409 Hijrah, jenazah Syeikh Mirsafi dibawa ke Masjid Nabi untuk disembahyangkan dan seterusnya dibawa ke perkuburan al-Baqe' disemadikan bersama para sahabat Rasulullah SAW.

● PENULIS ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.)



SYEIKH Mirsafi sedang menulis sesuatu sambil diperhatikan oleh Syeikh Mahmud Sibawaih al-Badawi.